

111 年新北市各級學校東南亞語文競賽
團體朗讀文稿 馬來 語 國小組 B

Waktu Rehat

Rakan A : Sekarang waktu rehat, kamu mahu buat apa?

Rakan B : Saya nak main sepak takraw dengan
rakan-rakan di padang.

Johnson : Mari kita ajak Linda main bersama.

Linda: Terima kasih, saya tak mahu ikut. Saya
nak kembalikan buku ke perpustakaan.

Rakan A : Eh, cuaca hari ini panaslah! Mahukah kita
pergi membaca buku cerita di perpustakaan?
Alangkah selesanya menikmati udara dingin
di sana.

Linda : Cikgu kata jangan bermain di padang pada
waktu panas terik, teruklah kalau kena strok
haba.

Rakan B : Ya, kita dengar nasihat cikgu. Jaga diri amat
penting. Jom kita pergi bermain di tempat

yang teduh?

Johnson : Bagus cadangan ini ! Lihat guli-guli beraneka warna ini, ada yang besar, ada yang kecil.
Kita main guli hari ini, lain kali main sepak takraw.

Rakan B : Setuju! Saya nak main guli.

Rakan A : Saya juga nak main guli. Nah, mangga kering ini saya kongsikan. Kita boleh makan sambil bermain.

Linda : Baiklah, saya cepat kembalikan buku dan balik ke sini. Jumpa nanti ya!